

## ANALISIS PERBANDINGAN METODE HERMENEUTIK DAN TAFSİR BI AL-RA'YĪ DALAM PENAFSIRAN AL-QUR'AN

Salman Zainal Abidin<sup>1</sup> & Mazlan Ibrahim<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Calon Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia ([salman@kuis.edu.my](mailto:salman@kuis.edu.my))

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia ([mazib@ukm.edu.my](mailto:mazib@ukm.edu.my))

Penulis Penghubung: Salman bin Zainal Abidin, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 013-6789550. Email: [salman@kuis.edu.my](mailto:salman@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Hermeneutik sebagai sebuah metode memahami al-Qur'an mula diperkenalkan oleh Hasan Hanafi. Usaha beliau ini kemudiannya diikuti oleh sarjana-sarjana lain antaranya Fazlur Rahman, Nasr Hamid Abu Zaid dan Muhammad Arkoun. Metode Hermeneutik jika dibandingkan dengan tradisi keilmuan Islam dalam memahami al-Qur'an adalah mirip dengan Tafsir bi al-Ra'yī yang meletakkan akal sebagai medium berijtihad memahami ayat-ayat al-Qur'an. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek perbezaan yang ketara antara Hermeneutik dan Tafsir bi al-Ra'yī yang mendorong penolakan sebahagian sarjana Muslim terhadap aplikasi Hermeneutik dalam memahami al-Qur'an. Justeru, artikel ini merungkaikan epistemologi Hermeneutik yang merangkumi definisi, sejarah kemunculan, sejarah perkembangan, tokoh-tokoh yang terlibat dan seterusnya perbandingannya dengan Tafsir bi al-Ra'yī.*

**Kata Kunci:** Hermeneutik; Tafsir bi al-Ra'yī; al-Qur'an; Bible; metode

### (COMPARATIVE ANALYSIS ON HERMENEUTIC AND TAFSIR BI AL-RA'YĪ IN QURANIC EXEGESIS)

### ABSTRACT

*Hermeneutics, a metode of interpretating al-Qur'an, was first introduced by a controversial Muslim Scholar, Hasan Hanafi. His effort is followed by some other muslim scholars such as Fazlur Rahmān, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd and Muḥammad Arkoun. Apparently, Hermeneutics is similar to Tafsir bi al-Ra'yī which employs a pure reason and logic as the medium of interpretating al-Qur'an. However, to a certain extent, Hermeneutics has significant differences from the concept of Tafsir bi al-Ra'yī which encourage a large number of muslim scholars to reject Hermeneutics in understanding al-Qur'an. Hence, this article is meant to epistemologically elaborate Hermeneutics in terms of its definition, history, development, scholars and its comparison with Tafsir bi al-Ra'yī.*

**Keywords:** *Hermeneutics; Tafsīr bi al-Ra'yī; al-Qur'an; Bible; method*

Received: October 15, 2018

Accepted: November 5, 2018

Online Published: December 30, 2018

## 1. Pengenalan

Kajian terhadap penggunaan Hermeneutik sebagai metode penafsiran al-Qur'an secara langsung akan menyentuh perbahasan tentang *Tafsīr bi al-Ra'yī*. Ini adalah kerana kedua-dua terminologi; Hermeneutik dan *Tafsīr bi al-Ra'yī* mempunyai persamaan yang mendasar iaitu penggunaan akal dan ijtihad dalam memahami makna al-Qur'an. Oleh yang demikian, analisis terhadap kedua-dua terminologi ini dari aspek definisi, sejarah kemunculan dan perkembangan perlu diperincikan bagi menilai sejauh manakah persamaan dan perbezaan antara keduanya.

## 2. Definisi Hermeneutik

Penggunaan istilah Hermeneutik yang diangkat sebagai wacana penafsiran al-Qur'an adalah merujuk kepada perkataan *Hermeneutics* yang digunakan secara meluas dalam karya-karya intelektual sarjana barat. Richard E. Plamer (1969) menjelaskan bahawa, pada dasarnya, istilah *Hermeneutics* adalah terminologi yang berasal dari kata kerja (verb) bahasa Greek iaitu *hermeneuein* yang secara umumnya bermaksud 'menafsirkan', (to interpret) dan juga dari kata nama (noun), *hermeneia* yang bermaksud 'penafsiran' (interpretation) (Richard E. Palmer, 1969: 12). Penjelasan yang sama diberikan oleh Jean Grondin (1995), yang menyatakan bahawa secara tradisinya, *Hermeneutics* berasal dari akar kata Greek *hermeneuein*.

Ramberg & Gjesdal (2013) menghuraikan dengan lebih terperinci istilah Hermeneutik bertujuan menjelaskan fungsi-fungsinya secara umum. Menurut mereka, perkataan 'Hermeneutik' merangkumi dua makna, iaitu seni dan teori memahami, serta penafsiran terhadap sesuatu ekspresi, sama ada yang berbentuk bahasa mahupun tidak. Hermeneutik yang membawa makna teori penafsiran berakar umbi dari falsafah Greek. Hermeneutik muncul sebagai sebuah disiplin yang penting dalam pengkajian Bible pada era *Renaissance* di Zaman Pertengahan Eropah. Setelah itu, Hermeneutik berkembang sebagai disiplin yang mengkaji tidak hanya teks-teks keagamaan, tetapi juga karya-karya sastera klasik (Ramberg & Gjesdal, 2013: 1). Kathleen Morner dan Ralph Rausch (2005) dalam *Viva' Dictionary of Literary Terms* menjelaskan fenomena awal Hermeneutik yang dipraktikkan oleh cendekiawan-cendekiawan awal agama Kristian terhadap Bible, di mana mereka mendapati beberapa tingkatan makna dalam teks iaitu yang bersifat tatabahasa (*grammatical*), etika (*ethical*), simbolik (*allegorical*), dan mistik (*mystical*) (Kathleen Morner dan Ralph Rausch, 2005: 97).

Josef Bleicher (1980) mengaitkan Hermeneutik dengan Hermes, seorang dewa yang ditugaskan untuk menyampaikan wahyu tuhan-tuhan. Menurut Bleicher lagi, Hermes tidak hanya menyampaikan wahyu tersebut secara verbal sebagaimana yang diterima dari tuhan-tuhan, sebaliknya bertindak sebagai penafsir yang berperanan menjelaskan dan membuat ulasan supaya wahyu tersebut mempunyai makna. Oleh yang demikian, Hermeneutik mempunyai dua peranan utama iaitu: memastikan ketepatan kandungan perkataan, teks dan seumpama dengannya serta mencari arahan-arahan yang terkandung dalam bentuk-bentuk yang simbolik (Josef Bleicher, 1980: 11).

M. Quraish Shihab (2015) menjelaskan bahawa Hermeneutik adalah alat-alat yang digunakan terhadap teks dalam menganalisis dan memahami maksudnya serta menampakkan nilai yang dikandungnya. Secara singkatnya, menurut Shihab, dapat dikatakan bahawa Hermeneutik adalah cara kerja yang harus ditempuh oleh sesiapa yang hendak memahami suatu teks, sama ada yang terlihat nyata dari teksnya, mahupun yang kabur, bahkan yang tersembunyi akibat perjalanan sejarah atau pengaruh ideologi dan kepercayaan. Oleh yang demikian, menurut Shihab, Hermeneutik ketika diaplikasikan terhadap sesuatu teks, menjadikannya seolah-olah seorang ahli arkeologi yang menggali peninggalan lama atau fosil yang hidup ratusan tahun yang lalu. Shihab juga menjelaskan bahawa, persoalan pokok yang secara umumnya dibahaskan melalui Hermeneutik adalah teks-teks sejarah atau agama, baik sifatnya mahupun hubungannya dengan adat dan budaya serta hubungan peneliti dengan teks itu dalam konteks melakukan kajian kritis terhadapnya (M. Quraish Shihab, 2015: 401-402).

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa Hermeneutik adalah sebuah terminologi yang merujuk kepada teori yang berperanan untuk memahami dan menafsir teks yang pada awalnya diaplikasikan dalam usaha memahami dan menafsirkan Bible. Hermeneutik kemudiannya diperluaskan kepada penafsiran teks secara umum, tidak hanya terhad kepada teks keagamaan semata-mata (Edward Quinn, 1999: 146).

### **3. Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan Hermeneutik**

Menurut Joseph Bleicher (1990), Hermeneutik muncul dan berkembang sebagai sebuah teori penafsiran apabila keadaan memerlukan kepada penafsiran dan pemahaman terhadap karya-karya yang dianggap penting untuk difahami oleh masyarakat. Hal ini berlaku kerana audien tidak mempunyai akses secara langsung terhadap teks disebabkan faktor bahasa yang berbeza dan perbezaan masa yang terlalu jauh ketika zaman sesuatu teks ditulis. Kedua-dua faktor ini menyebabkan timbulnya dua permasalahan iaitu pemahaman yang salah terhadap makna teks atau teks tersebut langsung tidak dapat difahami (Joseph Bleicher, 1990: 11).

Pernyataan Bleicher adalah merujuk kepada Hermeneutik yang telah berkembang menjadi sebuah teori penafsiran yang didasari oleh kaedah-kaedah yang telah mapan. Manakala intipati dan hakikat Hermeneutik itu sebenarnya bukan perkara yang baru, tetapi telah berkembang semenjak manusia mula berfikir (Ahmad Bu'ur, 2015: 197). Secara umumnya sejarah perkembangan Hermeneutik boleh dilihat dari tiga peringkat utama berdasarkan tempoh masa dan fokus-fokus perbincangannya. Pengkaji membahagikan perkembangan hermeneutik kepada tiga peringkat iaitu; [1] Peringkat Pertama: Permulaan Hermeneutik, [2] Peringkat Kedua: Hermeneutik sebagai medium menafsirkan teks-teks agama, dan [3] Peringkat Ketiga: Hermeneutik sebagai medium teks-teks umum.

#### **a) Peringkat Pertama: Permulaan Hermeneutik**

Walaupun istilah Hermeneutik tidak muncul sehinggalah pada kurun ke-17, hakikatnya akar makna dan konsep Hermeneutik telah mula berkembang seawal kurun ke- 9 sebelum masihi yang dimulai dengan usaha para cendekiawan Yunani memahami epik *The Illiad and The Odyssey* yang ditulis oleh penulis terkemuka Yunani, Homer (Basil Aoun, 2004: 29). Menurut Basil Aoun, epik *The Illiad and The Odyssey* diangkat sebagai sumber kesusasteraan dan peradaban akhlak bagi

masyarakat Yunani sehingga mendorong para pemikir Yunani mengkajinya sebagai sumber kebudayaan Yunani. Kajian untuk mencari makna terhadap kedua-dua epik ini seterusnya membawa kepada perkembangan dua metode penafsiran iaitu Tafsiran Metafora (*Metaphorical Interpretation*) dan Tafsiran Gramatikal (*Grammatical Interpretation*). Aristotle dianggap antara tokoh terawal yang membicarakan Hermeneutik dalam bentuk intipati, bukan istilah, dalam karyanya *Peri Hermeneias* (Basil Aoun, 2004: 30-35). Pernyataan Basil disokong oleh fakta yang dikemukakan oleh Bleicher (1990) di mana beliau menjelaskan bahawa Penafsiran Teks (*Literary Interpretation*) adalah berasal dari tradisi pendidikan Yunani. Kaedah ini digunakan untuk membantu mereka membuat penafsiran dan kritikan terhadap karya-karya Homer dan juga para sasterawan lain. Perbincangan dalam Penafsiran Teks yang meliputi retorik dan puisi akhirnya memunculkan seni menentukan keabsahan teks (Josef Bleicher, 1990: 11).

#### **b) Peringkat Kedua: Hermeneutik sebagai medium menafsirkan teks-teks agama**

Jean Grondin (1995) menegaskan bahawa istilah *Hermeneutica* tidak muncul dalam perbincangan intelektual sehinggalah pada kurun ke-17, oleh ahli teologi dari Strasbourg, Perancis iaitu Johann Danhauer sebagai satu keperluan bagi disiplin-disiplin ilmu yang bergantung kepada penafsiran teks. Ketika Dannhauer memperkenalkan istilah *Hermeneutica*, beliau secara terbuka mengatakan telah mendapat inspirasi dari karya Aristotle iaitu *Peri Hermeneias (De interpretatione)* dan mendakwa bahawa Hermeneutik adalah pelengkap kepada karya-karya Aristotle *Organon*, iaitu koleksi tulisan Aristotle yang berjumlah enam buah. Walaubagaimanapun, sejarawan Hermeneutik, iaitu Wilhelm Dilthey menjelaskan bahawa istilah Hermeneutik sebenarnya muncul satu kurun lebih awal yang dipelopori oleh golongan Kristian Protestan berikutan kemunculan prinsip *Sola Scriptura* yang diperkenalkan oleh Martin Luther. Walau bagaimanapun, didapati tidak terdapat dalam sebarang tulisan Luther yang memperincikan Hermeneutik dengan kerangka teori yang lengkap. Apa yang dilakukan oleh beliau adalah mengemukakan penafsiran-penafsiran terhadap Bible. Walaupun penafsiran-penafsiran Luther tidak boleh dianggap sebagai Hermeneutik secara teori, tetapi usaha-usaha penafsirannya terhadap Bible dan reaksi golongan Kristian Katolik terhadap idea-idea penafsiran yang dikemukakannya boleh dianggap sebagai titik mula kepada kemunculan Hermeneutik (Jean Grondin, 1995: 19-20).

Bleicher (1990) juga membuat penegasan yang sama di mana beliau mengatakan bahawa Hermeneutik Bible mencapai pembentukan yang pertama pada era Reformasi yang dicetuskan oleh Martin Luther (Josef Bleicher, 1990: 11) Dua murid kepada Luther iaitu Philipp Melanchton (1497-1560) dan Matthias Flacius Illyricus (1520-1575) telah mengemukakan kaedah-kaedah yang menjadi dasar kepada Hermeneutik. Flacius dalam bukunya *Clavis Scripturae Sacrae* telah membangunkan Hermeneutik yang lebih spesifik bertujuan untuk merungkakan kesulitan pemahaman yang terdapat dalam sebahagian kandungan Bible. Flacius menegaskan bahawa syarat utama untuk memahami Bible adalah penguasaan bahasa. Beliau juga telah membangunkan kaedah-kaedah memahami Bible yang kebanyakannya adalah divedok dari retorik kuno dan pemuka-pemuka gereja terutamanya karya Saint Augustine, *De Doctrina Christiana* (Jean Grondin, 1995: 19-21). Flacius juga menegaskan bahawa penafsiran Bible boleh menjadi universal melalui penggunaan Hermeneutik. Beliau menegaskan bahawa tidak semua kandungan Bible bersifat samar-samar dan memerlukan kepada penafsiran berbentuk metafora. Penafsiran

berbentuk metafora hanya diperlukan terhadap kandungan yang samar-samar saja dan tidak diperlukan langsung untuk memahami Perjanjian Lama (*The Old Testament*). Flacius juga menjelaskan bahawa mana-mana ayat dalam Bible yang tidak jelas maknanya boleh difahami dengan mengikuti prosedur-prosedur berikut; mengaplikasikan penafsiran Gramatikal (*Grammatical Interpretation*), menganalisis konteks kehidupan masyarakat Kristian dan yang paling utama ialah membuat pertimbangan terhadap ayat-ayat yang berkaitan dengan merujuk kepada keseluruhan isi Bible. Kaedah yang diperkenalkan oleh Flacius iaitu '*memahami keseluruhan teks untuk mencapai pemahaman terhadap sebahagian teks*' kemudiannya dikembangkan oleh Schleimacher yang tidak hanya memfokuskan kepada penafsiran Bible tetapi juga penafsiran teks-teks secara umum (Josef Bleicher, 1990: 11-12).

M. Quraish Shihab (2015) menjelaskan secara lebih spesifik kemunculan Hermeneutik di dunia barat oleh sebahagian cendekiawan Kristian bermazhab Protestan iaitu sekitar tahun 1654 masihi. Menurut Shihab, perkara ini berlaku kerana penentangan golongan Kristian aliran Protestan terhadap penafsiran teks Perjanjian lama (*The Old Testament*) dan Perjanjian Baru (*The New Testament*) oleh pihak Katolik. Shihab memetik penjelasan *The New Encyclopedia Britannica* yang menjelaskan bahawa Hermeneutik adalah *The study of the general principle of Biblical Intrepretation to discover the truths and values of Bible* (Kajian prinsip-prinsip umum tentang penafsiran Bible untuk mencari kebenaran dan nilai-nilai kebenaran dalam Bible). Faktor yang mendorong cendekiawan Kristian mengaplikasikan Hermeneutik untuk dijadikan alat atau seni penafsiran menurut Shihab adalah kerana para tokoh dan pemikir Kristian hampir sepakat mengatakan bahawa Bible secara harfiahnya bukan kalam Tuhan. Hakikat ini dibuktikan antara lainnya dengan adanya perbezaan pengarang yang secara automatik melahirkan gaya yang berbeza-beza, bahkan fakta yang saling bercanggah antara satu dengan yang lain (M. Quraish Shihab, 2015: 403-404).

### c) Peringkat ketiga: Hermeneutik sebagai medium teks-teks umum

Hermeneutik semakin berkembang pada kurun ke-18 dengan kemunculan tokoh-tokoh yang mengemukakan idea-idea yang lebih kompleks serta tidak hanya memfokuskan kepada teks suci, tetapi penafsiran semua teks. Bahkan, pemahaman 'teks' juga diperluaskan tidak hanya teks yang tertulis dengan huruf-huruf, tetapi juga ungkapan yang diucapkan, bahkan lukisan-lukisan juga dianggap sebagai sebuah teks yang boleh dicari makna dibaliknya. Antara tokoh-tokoh penting Hermeneutik yang menjadi fokus kepada pengkaji Hermeneutik ialah Friedrich Shcleiermacher, Willhem Dilthey, Martin Heidegger dan Hans Georg Gadamer.

Perkembangan Hermeneutik dari aspek kronologi sejarah, konsep dan fokus serta tokoh-tokoh yang menonjol boleh diringkaskan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1. Perkembangan Hermeneutik

Period	Konsep dan Fokus Hermeneutik	Tokoh-tokoh
Peringkat Pertama (Kurun ke-9 SM)	Perbahasan dalam Penafsiran Teks yang meliputi retorik dan puisi akhirnya memunculkan seni menentukan keabsahan teks.	Aristotle
Peringkat Kedua (Kurun ke 17	Pembentukan kaedah-kaedah bagi	Johann Danhauer, Martin Luther,

M)	merungkaikan pemahaman Bible.	kesulitan	Philip Melanchton, Mathias Flacius Illyricus
Peringkat Ketiga (Kurun ke-18)	Kaedah-kaedah yang digunakan untuk memahami Bible diperluaskan kepada teks-teks umum, bukan hanya kepada Bible. Hermeneutik secara beransur menjadi perbahasan falasafah.	digunakan Bible teks-teks kepada Gadamer	Friedrich Schleiermacher, Willhem Dilthey, Martin Heidegger dan Hans Georg

#### 4. Skop dan Fungsi Hermeneutik

Menurut Richard E. Palmer (1969), sejak awal permulaannya, istilah Hermeneutik hanya merujuk kepada Sains Penafsiran (*Science of Interpretation*), terutamanya berkaitan prinsip-prinsip penafsiran yang betul. Walau bagaimanapun, konsep Hermeneutik terus berkembang seiring dengan perkembangan zaman dan kemunculan tokoh-tokoh yang membahaskan Hermeneutik dari pelbagai sudut yang berbeza. Menurut Palmer lagi, konsep dan fungsi Hermeneutik dalam era moden boleh dilihat sekurang-kurangnya dari enam sudut yang berbeza iaitu [1] Teori Penafsiran Bible (*The Theory of Biblical Exegesis*), [2] Metode umum ilmu Filologi (*General Philological Methodology*), [3] Sains Pemahaman Bahasa (*The Science of all Linguistic Understanding*), [4] Metode Asas dalam ilmu-ilmu Sains Sosial (*The Methodological Foundation of Geisteswissenschaften*), [5] Fenomenologi dan Pemahaman Eksistensial (*Phenomenology of existence and of existential understanding*), [6] Sistem-sistem Penafsiran (*The systems of interpretation*), yang digunakan oleh seseorang untuk mencapai suatu makna di sebalik mitos-mitos dan simbol-simbol dalam sesebuah teks (Richard E. Palmer, 1969: 33).

#### 5. Definisi *Tafsīr bi Al-Ra'yī*

Para ulama tafsir berbeza dalam menetapkan makna *Tafsīr bi al-Ra'yī*. Sebahagian ulama' mendefinisikan *Tafsīr bi al-Ra'yī* dengan konotasi yang negatif, contohnya Mannā' Qattān (1998) telah mentakrifkan *Tafsīr bi al-Ra'yī* seperti berikut (Mannā' Qattān, 1998: 351):

التفسير بالرأي: هو ما يعتمد فيه المفسر في بيان المعنى على فهمه الخاص واستنباطه بالرأي المجرد - وليس منه الفهم الذي يتفق مع روح الشريعة، ويستند إلى نصوصها - فالرأي المجرد الذي لا شاهد له مدعاة للشطط في كتاب الله، وأكثر الذين تناولوا التفسير بهذه الروح كانوا من أهل البدع الذين اعتقدوا مذاهب باطلة وعمدوا إلى القرآن فتأولوه على رأيهم وليس لهم سلف من الصحابة والتابعين لا في رأيهم ولا في تفسيرهم، وقد صنفوا تفاسير على أصول مذهبهم، كتفسير عبد الرحمن بن كيسان الأصم، والجبائي، وعبد الجبار، والروماني، والزحشيري وأمثالهم.

*Tafsīr bi al-Ra'yī*: Apa yang disandarkan oleh penafsir dalam menjelaskan makna (*al-Qur'an*) berdasarkan kepada pemahamannya yang khusus, serta beristinbath dengan pandangannya semata-mata, bukan berdasarkan pemahaman yang bertepatan dengan roh syarak dan tidak pula menyandarkan kepada nas-nasnya. Pandangan semata-

mata yang tidak disandarkan (kepada nas-nas syarak) mendorong kepada kesalahan dalam memahami kitab Allah. Kebanyakan mereka yang berkecimpung dalam corak penafsiran ini adalah dari kalangan ahli Bid'ah yang menganut mazhab yang batil. Mereka telah mentakwilkan al-Qur'an dengan berdasarkan pandangan semata-mata yang tidak pernah di sebutkan oleh mereka yang terdahulu dari kalangan sahabat dan juga para tabi'in. Mereka telah mengarang kitab-kitab tafsir berpandukan usul mazhab mereka seperti contoh Tafsir 'Abd a-Rahmān bin Kaisān al-Aṣam, al-Jabbā'ī, Abd al-Jabbār, al-Zamakhshari dan yang seumpama dengan mereka.

Manakala Hussain al-Dhahabī (2010: 255) mengemukakan definisi yang lebih bersifat umum:

يُطلق الرأي على الاعتقاد، وعلى الاجتهاد، وعلى القياس، ومنه: أصحاب الرأي: أي أصحاب القياس. والمراد بالرأي هنا "الاجتهاد" وعليه فالتفسير بالرأي، عبارة عن تفسير القرآن بالاجتهاد بعد معرفة المفسر لكلام العرب ومناحيهم في القول، ومعرفته للألفاظ العربية ووجوه دلالاتها، واستعانتها في ذلك بالشعر الجاهلة ووقوفه على أسباب النزول، ومعرفة بالناسخ والمنسوخ من آيات القرآن، وغير ذلك من الأدوات التي يحتاج إليها المفسر.

Dimaksudkan dengan al-Ra'yū itu adalah iktikad, ijihad dan qiyas. Sebagaimana dikatakan, 'Aṣhāb al-Ra'yū, iaitu merujuk juga kepada Aṣhāb al-Qiyās. Apa yang dimaksudkan dengan al-Rakyū di sini adalah al-Ijtihād. Oleh yang demikian, Tafsir bi al-Ra'yī ialah penafsiran al-Qur'an dengan ijihad, (iaitu) setelah penafsir mengetahui kalam orang-orang Arab dan metode mereka dalam perkataan, serta mengetahui lafaz-lafaz bahasa Arab dan bentuk pendalilannya. Penafsir juga menggunakan syair jahiliah dan melihat kepada Asbāb al-Nuzūl, mengetahui nāsikh dan mansūkh dan lain-lain alat yang diperlukan oleh seorang penafsir.

Secara zahirnya, definisi yang dikemukakan oleh Mannā' Qaṭṭān tidak mengharuskan Tafsir bi al-Ra'yī. Walau bagaimanapun, beliau sebenarnya merujuk kepada definisi khusus yang melibatkan Tafsir bi al-Ra'yī al-Madhmūm, iaitu penafsiran yang tercela. Manakala al-Zahabi mengemukakan definisi umum yang memberi isyarat bahawa Tafsir bi al-Ra'yī jika menepati syarat-syarat yang dikemukakan oleh para ahli tafsir, dianggap sebagai Tafsir bi al-Ra'yī al-Mamdūh, iaitu penafsiran yang terpuji serta diakui oleh syarak.

## 6. Sejarah Kemunculan dan Perkembangan Tafsir bi Al-Ra'yī

Perbezaan pandangan para ulama' dalam menentukan definisi Tafsir bi al-Ma'thūr memberi kesan kepada penentuan secara tepat bilakah munculnya metode dan pendekatan Tafsir bi al-Ra'yī. Ṣubhī Ṣāliḥ (2002) merujuk Tafsir bi al-Ma'thūr sebagai penafsiran yang disandarkan kepada para sahabat nabi Muḥammad ṣallāllāhu 'alayhiwasallam, para tabi'in dan tabi' tabi'in (Ṣubhī Ṣāliḥ, 2002:291). Walau bagaimanapun, persoalan yang ditimbulkan oleh sebahagian para pengkaji ialah; seandainya pandangan-pandangan yang disandarkan kepada para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in adalah dari ijihad peribadi mereka, adakah pandangan-pandangan itu boleh dikategorikan sebagai Tafsir bi al-Ma'thūr?

Faḍal Ḥasan ‘Abbās (t.th.) menjelaskan bahawa *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* hanya merujuk kepada penafsiran yang diriwayatkan oleh para sahabat dan golongan yang datang selepas mereka berkaitan penjelasan Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* terhadap ayat-ayat al-Qur’an yang tidak difahami oleh para sahabat dan juga penerangan baginda berkaitan *Asbāb al-Nuzūl*. Perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan penjelasan makna al-Qur’an dan *Asbāb al-Nuzūl* seperti *i‘rāb* lafaz-lafaz al-Qur’an atau perkhabaran dari ahli kitab tidak boleh dianggap sebagai *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* sekalipun riwayat-riwayat penafsiran itu datang dari sahabat-sahabat baginda yang terkenal (Faḍal Ḥasan ‘Abbās, t.th.: 284). Pandangan yang sama juga dikemukakan sebelumnya oleh al-Sabbāgh (1990) yang menyatakan bahawa riwayat sahabat dan tabi’in yang sahih sanadnya, serta didengari daripada nabi Muhammad *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* sahaja yang boleh dianggap *Tafsīr bi al-Ma‘thūr*. Adapun pandangan-pandangan mereka yang tidak bersandarkan kepada nabi *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* tidak dianggap *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* (al-Sabbāgh, 1990: 263-264).

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan-penjelasan berkaitan definisi *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* dan *Tafsīr bi al-Ra‘yī*, pengkaji cenderung bersetuju dengan pandangan al-Khālīdī (2012) yang menyatakan bahawa kedua-dua bentuk tafsir iaitu *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* dan *Tafsīr bi al-Ra‘yī* sebenarnya telah muncul sejak awal-awal permulaan penafsiran al-Qur’an iaitu zaman sahabat-sahabat dan juga zaman tabi’in. (al-Khālīdī, 2012: 414). Walau bagaimanapun, menurut Musā‘id Muslim (1980), *Tafsīr bi al-Ra‘yī* tidak berkembang disebabkan sebahagian umat Islam keberatan untuk menerimanya sebagaimana mereka menerima *Tafsīr bi al-Ma‘thūr*. Bahkan menurut Musā‘id Muslim lagi, pandangan-pandangan tafsir yang pada hakikatnya adalah *Tafsīr bi al-Ra‘yī* diletakkan sanad-sanad sama ada yang disandarkan kepada para sahabat atau tabi’in bagi memastikan penerimaannya dalam kalangan orang-orang Islam (Musā‘id Muslim, 1980: 98).

Penjelasan yang terperinci bagi memastikan kemunculan dan perkembangan *Tafsīr bi al-Ra‘yī* perlu dilihat berdasarkan kepada peringkat-peringkat perkembangan penafsiran al-Qur’an yang bermula sejak zaman Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* sehinggalah kepada kemunculan karya-karya tafsir sama ada dari kategori *Tafsīr bi al-Ma‘thūr* dan *Tafsīr bi al-Ra‘yī*. Al-Rūmī (1983) membahagikan perkembangan penafsiran al-Qur’an kepada enam peringkat di mana beliau meletakkan penjelasan yang khusus bagi setiap peringkat kecuali peringkat kelima dan peringkat keenam; [1] Peringkat Pertama: Zaman Sahabat, [2] Peringkat Kedua: Zaman Tabi’in, [3] Peringkat Ketiga: Zaman Penyusunan, [4] Peringkat Keempat: Zaman Penulisan, [5] Peringkat Kelima, [6] Peringkat Keenam.

#### **a) Peringkat Pertama: Zaman Sahabat**

Para sahabat nabi Muhammad *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* adalah golongan yang paling memahami al-Qur’an disebabkan dua faktor iaitu; faktor kemahiran bahasa arab disebabkan mereka adalah bangsa arab yang sejati dan juga keadaan mereka yang jauh dari elemen-elemen bid’ah dan juga penyelewengan serta kesesatan akidah. Sekiranya mereka menghadapi kekeliruan dalam memahami mana-mana lafaz al-Qur’an, mereka akan terus merujuk kepada Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam*. Setelah kewafatan baginda, kesamaran memahami al-Qur’an diselesaikan dengan ijtihad berdasarkan kepada pemahaman lafaz-lafaz al-Qur’an oleh para sahabat baginda. Ciri-ciri penafsiran al-Qur’an di zaman sahabat adalah seperti berikut:



1. Penggunaan elemen Israiliyyat yang minimum disebabkan tegahan nabi Muhammad *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam*. Tegahan ini difahami apabila baginda melarang Umar al-Khattab membaca Taurat. Para sahabat hanya menafsirkan al-Qur’an sebagaimana yang diriwayatkan daripada nabi Muhammad *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam*.
2. Para sahabat tidak menafsirkan keseluruhan al-Qur’an kerana sebahagian besar ayat-ayat al-Qur’an telah difahami oleh mereka disebabkan kekuatan bahasa dan pengetahuan mereka terhadap keadaan dan waktu ayat-ayat diturunkan.
3. Para sahabat tidak berusaha mendalami secara terperinci pengertian perkataan ganjil dalam al-Qur’an yang tidak memberikan faedah yang besar kepada mereka. Sebaliknya para sahabat hanya berpada dengan pengertian ayat-ayat yang menjelaskan makna secara umum.
4. Karya-karya penulisan tafsir adalah terlalu minimum disebabkan larangan nabi Muhammad *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam* terhadap penulisan-penulisan selain al-Qur’an kerana dibimbangi akan bercampur dengan lafaz al-Qur’an. Baginda kemudiannya mengizinkan sahabat-sahabat menulis perkara-perkara selain al-Qur’an setelah diyakini tidak akan berlaku kekeliruan dalam menentukan lafaz al-Qur’an dan selainnya (al-Rūmī, 1983: 18-19)

#### **b) Peringkat Kedua: Zaman Tabi’in**

Tidak terdapat perbezaan yang besar di antara pendekatan para sahabat dan para tabi’in dalam memahami al-Qur’an. Ini adalah kerana para tabi’in meriwayatkan tafsir daripada para sahabat. Terdapat tiga orang sahabat yang menjadi rujukan utama dalam penafsiran al-Qur’an pada waktu itu iaitu Ibn ‘Abbās yang menjadi rujukan bagi penduduk Mekah, Ibn Mas‘ūd menjadi rujukan bagi pendudukan Iraq manakala Ubay bin Ka‘ab menjadi rujukan bagi orang-orang Islam di Madinah. Para tabi’in juga didapati enggan menafsirkan mana-mana ayat al-Qur’an apabila tidak ada pengetahuan mengenai ayat-ayat tersebut. Salah seorang tabi’in yang terkenal, Sa‘īd bin Musayyib diberitakan hanya mendiamkan dirinya seolah-olah tidak mendengar langsung apabila ditanya tentang pengertian sesuatu ayat yang tidak diketahuinya. Ciri-ciri penafsiran al-Qur’an pada zaman ini adalah seperti berikut:

1. Tersebarnya riwayat-riwayat Israiliyyāt disebabkan ramai ahli-ahli kitab memeluk agama Islam. Setelah memeluk Islam, mereka membaca al-Qur’an dalam keadaan telah tersedia dalam pengetahuan mereka cerita-cerita dan perkhabaran yang diperolehi dari kitab Taurat dan Injil. Apabila didapati ayat-ayat al-Qur’an yang menceritakan sesuatu kisah secara ringkas, mereka akan mencari huraian dan perinciannya dalam kitab-kitab terdahulu. Sebahagian mereka bersikap mengambil mudah dengan memasukkan riwayat-riwayat ini dalam penafsiran al-Qur’an dengan tidak disertai sebarang komentar mahupun kritikan. Akibatnya penafsiran al-Qur’an mula diresapi dengan elemen-elemen Israiliyyat.
2. Berlaku perbezaan pandangan dalam pemahaman terhadap sesetengah ayat. Ini adalah kerana terdapat dalam kalangan tabi’in yang tidak hanya meriwayatkan pandangan sahabat tentang pemahaman sesuatu ayat, tetapi meluaskan pemahaman mereka dengan ijtihad masing-masing. Terdapat suatu ayat yang diberikan pengertian pelbagai, melebihi apa yang

diriwayatkan daripada para sahabat. Faktor yang mendorong kepada pertikaian dan perbezaan pandangan ini adalah kerana terdapat ramai orang-orang bukan berbangsa arab yang memeluk agama Islam, dan mereka memerlukan penjelasan yang lebih terhadap pemahaman al-Qur'an. Justeru, penambahan ijtihad oleh sebahagian tabi'in dalam pemahaman sesuatu ayat adalah bertujuan menambahkan kefahaman umat Islam.

3. Penyusunan tafsir al-Quran semakin rancak disebabkan faktor perkembangan ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, penyusunan ilmu pada waktu ini tidak tersusun mengikut bab-bab yang tertentu sebagaimana yang didapati pada peringkat-peringkat berikutnya.

Ciri-ciri yang dinyatakan ini menunjukkan perbezaan yang kecil antara corak penafsiran zaman sahabat dan penafsiran pada zaman tabi'in (Ibid., 20-21)

### **c) Peringkat Ketiga: Zaman Penyusunan**

Penyusunan yang dimaksudkan ialah penyusunan hadis-hadis berdasarkan kepada bab-bab tertentu, di mana tafsir al-Qur'an adalah salah satu bab dalam hadis-hadis yang disusun. Penyusunan ini berlaku pada penghujung kurun yang pertama hijrah, iaitu pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz. Ciri-ciri dan bentuk penafsiran pada zaman ini ialah (Ibid., 21-22):

1. Pemerhatian yang besar pada sanad-sanad periwayatan tafsir.
2. Tidak semua riwayat-riwayat tafsir yang disusun bersandarkan kepada nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alayhiwasallam*, bahkan terdapat riwayat penafsiran yang disandarkan kepada para sahabat dan para tabi'in.
3. Elemen-elemen Isra'iliyyāt tersebar dengan lebih meluas berbanding zaman tabi'in.
4. Penafsiran al-Qur'an juga mula terarah kepada corak *Tafsīr bi al-Ra'yī*. Perkara ini dapat dilihat dalam penafsiran Mujahid bin Jabir yang menafsirkan ayat 65 Surah al-Baqarah yang menceritakan secara zahirnya Bani Israel ditukarkan menjadi kera. Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa ayat itu hanya suatu bentuk metafora yang tidak bermaksud mereka ditukarkan menjadi kera secara zahirnya. Demikian juga Hasan al-Basri yang berdalilkan beberapa ayat al-Qur'an untuk menegaskan penetapan akidah Qadā' dan Qadar bagi menentang golongan yang mengingkarinya. Corak-corak penafsiran sebegini kemudiannya menjadi asas kepada kemunculan aliran-aliran pemikiran tafsir yang muncul setelah itu .

### **d) Peringkat Keempat: Penulisan**

Pada zaman ini, penulisan karya corak penafsiran *Tafsīr bi al-Ma'thūr* ditulis secara berasingan dari hadis-hadis Rasulullah *ṣallallāhu 'alayhiwasallam*. Karya-karya *Tafsīr bi al-Ma'thūr* mula ditulis berdasarkan susunan surah-surah dalam mushaf. Ibn Taimiyah dan Ibn Khallikān menyatakan bahawa tokoh yang terawal menulis karya

tafsir secara berasingan dari hadis-hadis ialah ‘Abd al-Malik bin Juraij (m.150 H.). Corak penafsiran pada peringkat ini adalah seperti berikut (Ibid., 23-25):

1. Penulisan karya-karya tafsir adalah merujuk kepada *Tafsīr bi al-Ma'thūr* yang diriwayatkan dari Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam*, para sahabat baginda dan para tabi'in.
2. Riwayat-riwayat yang dimasukkan ke dalam karya-karya *Tafsīr bi al-Ma'thūr* dipastikan rantaian sanadnya sampai kepada penafsir yang pertama.
3. Mereka tidak mengambil perhatian dalam penentuan riwayat-riwayat yang sahih mahupun tidak, bahkan semua riwayat-riwayat yang diperolehi dimasukkan dalam karya-karya tafsir.
4. Riwayat-riwayat Isrā'īlyyāt bertambah luas bahkan dimasukkan dalam karya-karya *Tafsīr bi al-Ma'thūr*.

#### e) Peringkat Kelima

Peringkat ini merupakan peringkat yang paling penting dalam perkembangan tafsir al-Qur'an. Pada peringkat sebelumnya, walaupun kesahihan sanad-sanad tidak diambil perhatian oleh para penafsir, namun mereka tetap memasukkan sanad-sanad riwayat tafsir bagi panduan para pembacanya untuk membuat penilaian. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, sanad-sanad tidak lagi dinyatakan secara terperinci. Ciri-ciri penafsiran pada zaman ini adalah seperti berikut (Ibid., 25-26):

1. Meringkaskan sanad-sanad riwayat dalam penafsiran al-Qur'an. Mereka hanya meriwayatkan riwayat-riwayat tafsir tanpa menjelaskan siapakah yang menyatakannya. Keadaan ini mendedahkan pemalsuan riwayat-riwayat oleh musuh-musuh Islam.
2. Ketiadaan sanad pada riwayat-riwayat tafsir menyebabkan bertambahnya penafsiran al-Qur'an dengan corak *Tafsīr bi al-Ra'yī* sama dengan penafsiran yang terpuji ataupun penafsiran yang ditolak. Sebahagian mereka bertelingkah tentang pengertian sesuatu ayat. Bahkan pertelingkahan juga berlaku terhadap pengertian ayat yang secara jelas telah diterangkan maknanya oleh Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhiwasallam*. Kesan lain yang berlaku apabila sanad-sanad riwayat tafsir dibuang, musuh-musuh Islam mengambil peluang untuk menyandarkan riwayat-riwayat tafsir kepada tokoh-tokoh sahabat dan tabi'in seperti Ibn Abbās terhadap riwayat-riwayat tafsir yang tidak ada kaitan dengannya.
3. Riwayat-riwayat Isrā'īlyyāt disebarkan secara meluas. Sebahagian penafsir terkadang-kadang bertelingkah terhadap penentuan riwayat Isrā'īlyyāt dalam perkara yang tidak memberikan faedah kepada orang-orang Islam. Contohnya, pertelingkahan tentang nama-nama pemuda-pemuda yang berlindung dalam gua dan warna anjing mereka, tongkat nabi Musa diperbuat dari kayu jenis apa, nama-nama burung yang dihidupkan semula oleh nabi Ibrahim *‘alayhissalām* dan lain-lain lagi.

### f) Peringkat Keenam

Pada peringkat ini, didapati penafsiran al-Qur'an dibuka sepenuhnya kepada penafsiran selain daripada *Tafsīr bi al-Ma'thūr*. Setelah penyusunan karya-karya *Tafsīr bi al-Ma'thūr* disusun pada peringkat sebelumnya, didapati corak penafsiran pada peringkat ini adalah kebanyakannya berdasarkan kepada ijtihad dan pemahaman akal. Dengan kata lain, penafsiran dengan corak *Tafsīr bi al-Ra'yī* sepenuhnya muncul pada peringkat ini. Faktor utama yang menggalakkan perkembangan *Tafsīr bi al-Ra'yī* adalah kemunculan aliran-aliran akidah dan fekah serta kepelbagaian aliran falsafah dalam masyarakat Islam.

Kemunculan aliran-aliran yang pelbagai ini menjadi faktor utama perubahan corak penafsiran dengan *Tafsīr bi al-Ma'thūr* kepada *Tafsīr bi al-Ra'yī*. Sikap fanatik sesetengah pendokong aliran tertentu mendorong mereka menafsirkan al-Qur'an menurut kesesuaian aliran mereka. Tokoh-tokoh yang menonjol dalam sesuatu bidang menafsirkan al-Qur'an menurut kecenderungan mereka, contohnya; al-Qurtubī menafsirkan al-Qur'an dengan penumpuan terhadap hukum-hukum fiqh, al-Akhbarī cenderung menafsirkan al-Qur'an dengan penumpuan kepada kisah-kisah al-Qur'an, al-Tha'alabī pula menumpukan kepada kepelbagaian *i'rāb* pada lafaz-lafaz al-Qur'an dan Fakhrurrazi, tokoh ilmu kalam memenuhi tafsirnya dengan pandangan-pandangan cerdik pandai, ahli falsafah serta keraguan-keraguan yang ditimbulkan dan mengemukakan hujah bagi menolaknya (Ibid., 27-28).

Berdasarkan huraian al-Rūmī, pengkaji menyimpulkan bahawa intipati *Tafsīr bi al-Ra'yī* sebenarnya telah bermula sebaik sahaja kewafatan Rasulullah *ṣallallāhu 'alayhiwasallam*. Ini adalah kerana para sahabat yang berkecimpung dalam penafsiran al-Qur'an tidak hanya bergantung kepada riwayat-riwayat penafsiran Rasulullah semata-mata, tetapi mengemukakan ijtihad terhadap pemahaman ayat-ayat yang ditanyakan kepada mereka oleh para tabi'in. Contohnya ijtihad Abu Bakar al-Siddiq terhadap penafsiran (الكَلَالَة) dan penafsiran Umar al-Khattab terhadap pengertian (فاطر). Semua fakta-fakta yang dinyatakan menunjukkan bahawa *Tafsīr bi al-Ra'yī* telah muncul lebih awal tetapi secara tidak rasmi sebagaimana yang dikenali kemudiannya.

Subhī Ṣālih (2002) menyenaraikan empat buah karya *Tafsīr bi al-Ra'yī* yang terkenal iaitu [1] *Tafsīr al-Rāzī* yang dikenali dengan *Mafāṭīh al-Ghayb* oleh Fakhr al-Dīn Muḥammad bin 'Umar al-Rāzī (m. 606 H.), [2] *Tafsīr al-Baiḍāwī* yang dikenali dengan *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl*, oleh Nāṣir al-Dīn Abū Khair 'Abd Allah bin 'Umar al-Baiḍāwī (m. 685 H.) [3] *Tafsīr Abī al-Su'ūd* yang dikenali dengan *Irshād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm* oleh Muḥammad bin Muḥammad bin Mustafā bin Aḥmad bin al-Ṭahāwī (m. 982 H.), [4] *Tafsīr al-Nasafī* yang dikenali dengan *Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl* oleh Abū al-Barakāt 'Abd Allah bin Aḥmad bin Maḥmūd al-Nasafī (m. 710 H.), dan [5] *Tafsīr al-Khāzin* yang dikenali dengan nama *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'āni al-Tanzīl* oleh 'Alā al-Dīn 'Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Baghdādi (Subhī Ṣālih, 2005: 292-293).

### 7. Persamaan dan Perbezaan Antara Hermeneutik dan Tafsir

Nashruddin Baidan (2011) mengemukakan beberapa persamaan dan perbezaan antara Hermeneutik dan Tafsir. Walaupun pengkaji memfokuskan kepada *Tafsīr bi al-Ra'yī*, manakala perbincangan Nashruddin Baidan adalah merujuk kepada tafsir secara

umum, pengkaji melihat perbincangan ini juga relevan kepada *Tafsīr bi al-Ra'yī* secara khusus. Ini adalah kerana *Tafsīr bi al-Ra'yī* adalah salah satu komponen utama yang melengkapkan keseluruhan perbincangan wacana tafsir al-Qur'an.

#### a) Persamaan Hermeneutik dan Tafsir

Menurut Nashruddin (2011) istilah Hermeneutik berkait rapat dengan tokoh yang dianggap dewa oleh masyarakat Yunani, iaitu Hermes. Sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan definisi Hermeneutik, Hermes berperanan menyampaikan pesanan dewa-dewa dari Gunung Olympus kepada umat manusia dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh mereka. Oleh yang demikian, berdasarkan tugas dan peranan yang dilaksanakan oleh Hermes, Hermeneutik adalah suatu proses mengubah sesuatu atau situasi tidak memahami kepada keadaan memahami. Oleh yang demikian, menurut Nashruddin lagi, Hermeneutik ialah perbincangan tentang teori atau metode yang digunakan untuk memahami atau menafsirkan sesuatu teks agar mendapat pemahaman yang tepat dan berusaha menyampaikan kepada audien berdasarkan kesesuaian daya kefahaman mereka. Justeru, dalam konteks ini, menurut Nashruddin tidak ada perbezaan secara zahirnya antara Hermeneutik dan Tafsir (Nashruddin Baidan, 2011: 75).

Menurut Nashruddin, ketiga-tiga unsur pokok dalam perbincangan Hermeneutik yang disebut sebagai '*triadic structure*' iaitu teks, penafsir dan audien tidak jauh berbeza dengan tiga elemen utama dalam ilmu Tafsir. Ketiga-tiga elemen itu dinyatakan oleh Ibn Taimiyah iaitu; siapa yang berfirman, kepada siapa ia diturunkan dan firman itu ditujukan kepada siapa (Nashruddin Baidan, 2011: 75). Penjelasan terperinci berkaitan persamaan Hermeneutik dan tafsir dapat diuraikan seperti berikut:

1. Elemen pertama dalam Tafsir iaitu 'Siapa yang berfirman' secara jelas mendorong ahli tafsir untuk memahami teks iaitu al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah. Oleh kerana al-Qur'an adalah teks suci, seseorang penafsir seharusnya berhati-hati dalam usaha memahaminya supaya pesanan-pesanan al-Qur'an itu dapat disampaikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah.
2. Elemen kedua iaitu kepada siapa al-Qur'an diturunkan mengingatkan para ahli tafsir bahawa al-Qur'an tidak diturunkan secara langsung daripada Allah kepada umat manusia, sebaliknya melalui seorang rasul, iaitu nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alayhiwasallam* yang bertugas menyampaikannya kepada umat manusia. Peranan baginda ini secara zahirnya menyamai peranan Hermes yang ditugaskan menyampaikan pesanan dewa-dewa kepada umat manusia.
3. Elemen yang ketiga iaitu al-Qur'an ditujukan kepada siapa, menyamai perbincangan dalam cara kerja Hermeneutik. Seorang ahli Hermeneutik seharusnya memerhatikan dengan sewajarnya audien-audien yang ingin disampaikan sesuatu pesanan dari sebuah teks bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam penafsiran teks.

Menurut Nashruddin lagi, ilmu Tafsir juga mempunyai tujuan yang sama dengan Hermeneutik iaitu ingin menjelaskan pemahaman sesuatu teks dengan sebaik mungkin. Disebabkan itu, nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alayhiwasallam* memberi

amaran keras kepada seseorang yang menafsirkan al-Qur'an dengan berdasarkan akal fikiran dan hawa nafsu semata-mata (Ibid.: 75-76).

### **b) Perbezaan Hermeneutik dan Tafsir**

Nashruddin Baidan juga mengemukakan beberapa perbezaan di antara Hermeneutik dan Tafsir. Perbezaan-perbezaan itu adalah seperti berikut:

*Pertama:* Dalam Hermeneutik, penafsiran terhadap sesuatu teks tidak mementingkan urutan prosedur tertentu bagi mencapai makna teks. Seperti contoh, dalam konsep Hermeneutik yang dikemukakan oleh Schleiermacher, apa yang menjadi keutamaan ialah pemahaman bahasa teks dan juga kondisi psikologi dan pemikiran pengarang teks. Pengabaian terhadap urutan prosedur-prosedur yang harus diikuti dalam proses pemahaman teks adalah bertitik tolak dari ketiadaan kawalan dewa-dewa terhadap pesanan-pesanan yang disampaikan oleh Hermes kepada manusia. Oleh yang demikian, satu-satunya jalan untuk memberikan pemahaman yang tepat pada sesuatu teks ialah penguasaan terhadap kondisi teks itu sendiri dari aspek bahasa yang digunakan, aspek pemikiran pengarang dan latarbelakang sejarah sesuatu teks itu dihasilkan.

Hal ini berbeza dengan Tafsir, di mana langkah-langkah yang diperlukan dinyatakan secara berurutan bagi menafsirkan dan memahami al-Qur'an. Para ahli tafsir secara umumnya mengakui dan bersepakat bahawa langkah-langkah tersebut perlu diikuti bagi memastikan natijah penafsiran boleh dipertanggungjawabkan dari aspek intelektual dan tidak tersasar dari maksud dan tujuan yang dikehendaki oleh Allah. Secara umumnya langkah-langkah penafsiran yang menjadi amalan majoriti ahli tafsir dimulai dengan penafsiran al-Quran dengan al-Qur'an, penafsiran al-Qur'an dengan hadis, penafsiran al-Qur'an dengan riwayat-riwayat sahabat dan penafsiran al-Qur'an dengan riwayat-riwayat para tabi'in.

*Kedua:* Ruang lingkup kajian Hermeneutik tertumpu kepada tiga elemen pokok iaitu teks, penafsir dan audien. Ini bermakna Hermeneutik adalah bersifat umum dan tidak memberikan penjelasan yang terperinci kepada para penafsir untuk diaplikasikan terhadap al-Qur'an sebagai penafsiran yang benar dan boleh dipertanggungjawabkan.

Jika dibandingkan dengan teori-teori dan kaedah-kaedah yang dibincangkan dalam ilmu tafsir, apa yang dibincangkan dalam Hermeneutik kemungkinannya mempunyai persamaan dengan *Asbāb al-Nuzūl* yang menjelaskan ayat-ayat tertentu diwahyukan disebabkan dorongan peristiwa-peristiwa atau latarbelakang sosial ketika sesuatu ayat diturunkan. Justeru, apabila perbandingan antara Hermeneutik dibuat dengan ilmu Tafsir, didapati konsep-konsep yang terdapat dalam Hermeneutik sangat minimum jika dibandingkan dengan konsep dan teori yang terdapat dalam ilmu tafsir.

Oleh yang demikian, penggunaan Hermeneutik untuk menafsirkan al-Qur'an adalah tidak memadai bagi menghasilkan penafsiran yang benar-benar ilmiah, berfakta dan tidak berdasarkan andaian semata-mata kerana al-Qur'an mempunyai ciri-ciri spesifik yang unik dan khusus, tidak sebagaimana teks-teks suci yang lain. Contohnya, pemilihan suatu kosa kata dan kedudukannya dalam sesuatu ayat, bahkan satu huruf sekalipun mengandungi makna khusus yang membawa makna yang khusus. Kosa kata yang sama, apabila diletakkan dalam ayat yang lain, memberikan makna yang berbeza pula. Demikian juga dengan penggunaan kata gantian (*Ḍamīr*), kata penghubung (*Ḥurūf 'Aṭaf*), kata bantu (*Ḥuruf Jār*) dan lain-lainnya dikaji dan dibahas dalam ilmu tafsir secara terperinci. Antara perbincangan-perbincangan lain

dalam ilmu tafsir ialah sejarah penulisan al-Qur'an, *muḥkam dan mutashābih*, mukjizat al-Qur'an, *nāsikh dan mansūkh*, *munāsabāt* dan lain-lain lagi. Perkara-perkara seumpama ini tidak dibincangkan dalam Hermeneutik.

*Ketiga:* Dalam teori Hermeneutik, didapati bahawa seseorang pengamal Hermeneutik boleh menafsirkan semua teks yang ada selagi mana dia dapat menguasai ketiga-tiga elemen pokok iaitu; teks, audien dan pengarang. Bahkan penguasaan penafsir terhadap makna teks kemungkinannya boleh melebihi kefahaman pengarang teks itu sendiri. Konsep sebegini bukan sesuatu yang mustahil bagi pengamal Hermeneutik seperti Schleiermacher, Dilthey dan Gadamer menganggap bahawa agama adalah suatu bentuk interpretasi. Oleh yang demikian, mereka beranggapan bahawa tidak ada satu teks pun tidak boleh ditafsirkan oleh para pengamal Hermeneutik. Konsep Hermeneutik ini berbeza dengan konsep ilmu tafsir di mana tidak semua lafaz-lafaz atau teks al-Qur'an boleh ditafsirkan oleh ahli-ahli tafsir. Ini adalah kerana, menurut Ibn Abbas, terdapat empat kategori isi kandungan al-Qur'an iaitu; ayat-ayat yang dapat diketahui maknanya dengan pemahaman terhadap bahasa Arab, ayat-ayat berkaitan hukum halal dan haram, ayat-ayat yang hanya dapat difahami oleh para ulama' dan ayat-ayat yang tidak ada seorang pun mengetahui maknanya secara pasti melainkan Allah.

Berdasarkan pernyataan Ibn 'Abbās, terdapat ayat-ayat yang tidak dapat difahami sama sekali maknanya kerana Allah mengkhususkan pemahaman ayat-ayat tersebut kepada diriNya sahaja. Ayat-ayat sebegini kebiasaannya ayat-ayat yang menjelaskan tentang perkara ghaib seperti hakikat roh, malaikat, syurga, neraka, zat Allah dan lain-lain. Kesemua ayat-ayat yang berkaitan perkara ini tidak dapat difahami hakikatnya walau sehebat manapun akal seseorang ahli tafsir. Allah melarang pendalaman pemaknaan terhadap ayat-ayat ini bukan kerana ingin mengekang keupayaan berfikir manusia, tetapi adalah kerana keterbatasan akal manusia itu sendiri. Perbuatan menafsirkan ayat-ayat seumpama ini dikhuatiri boleh menjerumuskan seseorang ahli tafsir dalam penyelewengan dalam memahami al-Qur'an.

*Keempat:* Dalam Hermeneutik, seseorang pengamal Hermeneutik boleh memahami seseorang pengarang teks melebihi kefahaman pengarang terhadap dirinya sendiri. Teori ini dari sudut pandang Hermeneutik dianggap sah supaya diperolehi suatu penafsiran yang benar dan objektif dari sesebuah teks. Teori ini boleh digunakan untuk menafsirkan karya-karya tafsir al-Qur'an, namun teori ini tidak boleh sama sekali untuk diterapkan terhadap al-Qur'an, kerana al-Qur'an bukan ditulis oleh nabi Muhammad *ṣallallāhu 'alayhiwasallam*, sebaliknya adalah wahyu daripada Allah. Tugas baginda hanya menyampaikan sahaja al-Qur'an kepada para sahabat tanpa membuat sebarang penambahan mahupun pengurangan. Apabila al-Qur'an itu adalah kalam Allah secara harfiahnya, adalah mustahil seseorang boleh memahami dan mengenali Allah melebihi diriNya sendiri. Bukan sahaja mengenali Allah sama ada dari aspek sifat-sifatNya dan zatNya tidak dapat dilakukan dengan sempurna, bahkan manusia sehebat mana pun tidak dapat memahami sepenuhnya makhluk-makhluk yang diciptakan oleh Allah (Ibid.: 77-90).

Berdasarkan perbandingan yang dikemukakan antara Hermeneutik dan Tafsir, berikut adalah jadual yang merumuskan perbandingan antara Hermeneutik dan Tafsir:

Jadual 2. perbandingan antara Hermeneutik dengan Tafsir

Hermeneutik	Tafsir
1. Dalam Hermeneutik, penafsiran terhadap sesuatu teks tidak mementingkan urutan prosedur.	1. Para penafsir al-Qur'an dimestikan untuk mengikuti prosedur tertentu.
2. Ruang lingkup Hermeneutik terlalu umum dan hanya tertumpu kepada tiga elemen pokok, iaitu teks, penafsir dan audien.	2. Tradisi ilmu tafsir dipenuhi dengan kaedah-kaedah yang pelbagai bagi memastikan ketepatan dan penafsiran yang boleh dipertanggungjawabkan.
3. Dalam tradisi Hermeneutik, seseorang pengamal Hermeneutik diberikan kebebasan untuk menafsirkan apa sahaja bentuk teks dan bebas mengutarakan makna teks berdasarkan pemahamannya.	3. Dalam tradisi ilmu tafsir al-Qur'an, terdapat batasan-batasan penafsiran yang tidak boleh dilangkaui oleh manusia, kerana makna penafsiran yang sebenarnya hanya diketahui oleh Allah.
4. Dalam tradisi Hermeneutik, seseorang pengamal Hermeneutik dapat mengandaikan bahawa dia boleh memahami maksud dan pengertian teks melebihi pengarang teks itu sendiri.	4. Dalam tradisi tafsir al-Qur'an, adalah mustahil sama sekali bagi seorang ahli tafsir untuk mengetahui makna al-Qur'an melebihi pengarang kerana al-Qur'an adalah kalamullah secara harfiah.

## 8. Kesimpulan

Pengkaji merumuskan bahawa pendekatan Hermeneutik yang secara lazimnya mencedok pelbagai metode kebahasaan dan disiplin Sains Sosial boleh dipertimbangkan untuk diaplikasikan dalam bidang-bidang tertentu, selain dari penafsiran al-Qur'an. Salah satunya adalah terhadap usaha-usaha menterjemahkan teks-teks para sarjana klasik ke dalam bahasa yang berbeza. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan teks-teks yang dikaji dapat difahami dalam konteks yang sesuai. Ini adalah kerana kajian-kajian terhadap penterjemahan, menurut Nasimah Abdullah seharusnya tidak hanya tertumpu kepada teks yang dikaji sahaja, tetapi juga mengambil manfaat dari ilmu-ilmu lain seperti metode-metode bahasa dan ilmu Antropologi (Nasimah Abdullah, 2016: 116).

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikemukakan, Hermeneutik tidak sesuai untuk diaplikasikan sebagai metode alternatif dalam memahami al-Qur'an. Ini adalah kerana, Hermeneutik muncul sebagai respon kepada kecelaruan pemahaman Bible oleh cendekiawan-cendekiawan Kristian. Fenomena ini berlaku disebabkan kritikan-kritikan terhadap sejarah teks Bible oleh para cendekiawan Kristian. Sementara al-Qur'an disepakati keabsahan teksnya secara harfiah oleh para sarjana Muslim yang diperturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya sehingga hari ini. Selain itu, konsepsi asas Hermeneutik yang menuntut para pelaksananya untuk menyamaratakan semua teks sama ada teks sastera, mahupun teks suci bertentangan dengan wacana keilmuan Islam yang menganggap al-Qur'an adalah teks suci yang wajib diperlakukan dengan sebaik-baiknya.

## RUJUKAN

- Ahmad Bu'ūr. (2015). *'Ulūm al-Qur'ān fī al-Manzūr al-Haddāthī*. Kaherah: Dār al-Kalimah.
- Al-Dhabābī, Muḥammad Husayn. (2000). *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Khālīdī, Solāh 'Abd al-Fattāḥ. (2012). *Ta'rīf al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*. Damsyik: Dār al-Qalam.



- Al-Rūmī, Fahd bin ‘Abd al-Raḥmān bin Sulaimān. (1983). *Manhaj al-Madrasah al-‘Aqliyyah al-Hadīthah fi al-Tafsīr*. Riyadh: Idārat al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da‘wah wa al-Irshād.
- Al-Sabbāgh, Muḥammad bin Luṭfī. (1990). *Lamaḥāt fi ‘Ulūm al-Qur’ān Wa al-Tijāhāt al-Tafsīr*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Ṭayyār, Musa‘id bin Sulaimān. (1993). *Fuṣūḥun fi Uṣūl al-Tafsīr*. Riyadh: Dār al-Nashr al-Duwaitī.
- Anon. (1992). *The World Book Encyclopedia*. United States of America: World Book, Inc.
- Ensiklopedia Malaysiana. (1996). Kuala Lumpur: Anzagain Sdn. Bhd.
- Faḍal Ḥasan ‘Abbās. (t.th.). *Muḥāḍarāt fi ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Nafā’is li al-Nashr wa al-Tauzī‘.
- Ibn Taimiyyah, Taqiuddīn Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm. (1997). *Muqaddimah fi Uṣūl al-Tafsīr*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- M. Quraish Shihab. (2013). *Kaidah Tafsir*. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Nasimah Abdullah. (2017). Dawr al-Siyāq fi Taḥqīq al-Tarjamah al-Ṣaḥīḥah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*. Vol. 1, No. 1 (Disember 2016), 113-128.
- Richard E. Palmer. (1977). *Hermeneutics*. Evanston: Northwestern University Press.
- Ṣālih, Ṣubḥī. (2002). *Mabāḥith fi ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyin.

#### Author’s Biography

**Salman bin Zainal Abidin**, graduan lulusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam Ijazah Sarjana di Kuliah Ilmu Wahyu (Usuluddin dan Perbandingan Agama). Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan kini sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Dr. Mazlan bin Ibrahim**, Prof Madya di Pusat Akidah & Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau merupakan seorang penulis yang prolific, telah menghasilkan sejumlah buku, jurnal dan penulisan dalam bidang al-Qur’an, tafsir dan hadis.